



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI

TPM UMUM PELAKSANAAN STRATEGI KEBANGSAAN ANTI-RASUAH BAGI PKS: FOKUS TINGKATKAN ETIKA DAN INTEGRITI USAHAWAN PMKS

Hari ini, saya telah mempengerusikan Majlis **Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Kebangsaan (MPUPK)** Bilangan 1 Tahun 2025 hari ini di Kuala Lumpur yang julung kali diadakan pada tahun 2025, susulan daripada mesyuarat Sekretariat MPUPK yang dipengerusikan oleh saya dan telah diadakan pada 18 Februari 2025 dan 28 Julai 2025.

MPUPK dibentuk sebagai platform utama dalam membincangkan program dan inisiatif pembangunan usahawan dan PMKS selari dengan **aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030)** dan **pembangunan Malaysia MADANI**.

Semasa mesyuarat ini kami menyambut baik **pengumuman Belanjawan MADANI 2026** oleh **YAB Perdana Menteri yang bersifat inklusif** dengan merangkumi semua kategori usahawan seperti Perusahaan Mikro, **Kecil** dan Sederhana (PMKS), koperasi, perusahaan sosial, usahawan francais dan usahawan informal termasuk komuniti penjaja dan peniaga kecil. **Dengan nilai keseluruhan RM50 bilion kemudahan pinjaman dan jaminan kerajaan kepada usahawan PMKS** di bawah Belanjawan 2026 ini, ia menunjukkan komitmen Kerajaan dalam mengangkat PMKS menjadi sebahagian daripada peneraju ekonomi serantau.

Peruntukan ini juga selari dengan **usaha bagi menyokong pelaksanaan tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)** terutama bagi **meningkatkan penskalaan PMKS** serta **memperkasakan sektor ketiga** melibatkan gerakan koperasi, perusahaan sosial dan perniagaan inklusif.

Selain itu, mesyuarat ini juga bersetuju untuk mewujudkan satu inisiatif Strategi Kebangsaan Anti-Rasuah PKS dengan objektif program tersebut yang **bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan usahawan PMKS mengenai kepentingan pengamalan etika dan integriti dalam perniagaan.**

Sehubungan itu, mekanisme pelaksanaan program akan diperincikan oleh Pasukan Petugas Khas yang diketuai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi memastikan pelaksanaannya memberi impak dan manfaat yang optimum kepada usahawan PMKS.

Antara syor yang dipersetujui untuk diperincikan di bawah Pasukan Petugas Khas tersebut adalah;

1. Pembentukan satu inisiatif yang dinamakan sebagai Strategi Kebangsaan Anti-Rasuah PKS bagi mendukung kejayaan Strategi Anti-Rasuah Nasional 2024–2028;
2. Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Anti-Rasuah PKS diketuai oleh KUSKOP dan SME Corp serta SPRM, dengan sokongan teknikal penuh daripada GIACC;
3. Penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) sebagai platform utama membantu PKS mempercepatkan dan *cost effective* pelaksanaan program anti-rasuah dan aktiviti yang berkaitan; dan
4. Penyediaan Rangka Perniagaan Strategik (*Business Model*)

Pada mesyuarat ini juga turut dimaklumkan bahawa **sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2024 telah mencatat peningkatan kepada 39.5%, bersamaan dengan nilai ditambah sebanyak RM652.4 bilion, berbanding 39.3% (RM616.6 bilion) pada tahun 2023.**

Menerusi pembentangan Kertas Skim Pembiayaan dan Program Bimbingan Keusahawanan Tahun 2025 Mengikut Negeri oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), mesyuarat turut dimaklumkan bahawa sehingga 30 September 2025, **KUSKOP melalui agensi-agensi di bawahnya telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM7.96 bilion kepada 282,489 usahawan dan koperasi di seluruh negara.**

Bagi tempoh yang sama, **sebanyak 121,599 usahawan dan anggota koperasi telah menerima bimbingan keusahawanan melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP.**

Sementara itu, sebanyak **345 program keusahawanan dan pembangunan PMKS dilaksanakan pada tahun 2025 dengan peruntukan berjumlah RM30.31 bilion** melalui Pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) dan telah memberi manfaat kepada **609,000 penerima**. Di bawah Belanjawan 2026, peruntukan yang disediakan dilihat sebagai satu usaha untuk menskalakan PMKS iaitu beralih ke pasaran alternatif, menaik taraf rantai bekalan tempatan, menerapkan amalan perdagangan berteraskan ESG, mendigitalkan proses perdagangan dan beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi.

Seterusnya, mesyuarat juga dimaklumkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai prestasi semasa kemajuan Pelan Hala Tuju Memangkin Akses Bagi PMKS dan MTC ke Pasaran Modal (2024 - 2028) di mana setakat **30 September 2025, 15 daripada 36 inisiatif yang**

terangkum di dalam MSME MTC Roadmap telah dilancarkan dan mencatatkan kadar pelaksanaan sebanyak 42%, yang melebihi sasaran purata sebanyak 20% setahun. Mesyuarat juga bersetuju supaya Suruhanjaya Sekuriti terus mempromosikan pasaran modal bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam kalangan PMKS serta MTC. Ia termasuk menjalin kerjasama strategik bagi meluaskan akses pasaran modal dan mempertingkatkan penyaluran dana termasuk perkongsian data PMKS dan MTC oleh Kementerian dan agensi.

Saya yakin, Kerajaan MADANI akan terus **memperkukuh ekosistem keusahawanan negara melalui pendekatan inklusif, progresif dan berpaksikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti serta tadbir urus yang berkesan**. Komitmen berterusan ini bukan sahaja penting dalam memacu pertumbuhan PMKS sebagai tulang belakang ekonomi negara, tetapi juga dalam memastikan penyertaan yang lebih menyeluruh dan mampan oleh semua lapisan masyarakat dalam agenda pembangunan negara.

Justeru, sinergi antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, agensi pelaksana, sektor swasta dan komuniti usahawan amat diperlukan bagi merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI serta mencapai matlamat DKN 2030.

Turut hadir pada mesyuarat ini YB Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan, YAB Menteri Besar Pahang merangkap Penasihat Khas MPUPK, YB Exco Keusahawanan Negeri, dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat

Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan

21 Oktober 2025